

Murid kenit dapat kerusi 'ZUMP'

PEKAN - Tiada yang lebih mengembirakan murid kenit, Zull Hanif Abd Halim, 7, semalam apabila menerima kerusi khas ciptaan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang diserahkan sendiri oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Penyampaian kerusi itu dibuat di kediaman Najib, di sini dengan disaksikan Naib Canselor UMP, Datuk Dr. Mohamed Said Mat Lela dan Dekan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, Prof Madya Dr. Rosli Abu Bakar.

Yang menarik ialah UMP menamakan kerusi itu 'ZUMP' hasil gabungan huruf pangkal nama Zull Hanif dan UMP.

Zull Hanif, murid Tahun Satu Sekolah Kebangsaan Sinar Mutiara, dekat sini hanya mempunyai ketinggian 72 sentimeter dan berat badan 7.5 kilogram.

Menurut Dr. Mohamed Lela, kerusi yang menggunakan teknologi bermotor itu direka mengikut kesesuaian Zull Hanif supaya kanak-kanak itu dapat mengikuti pembelajaran di kelasnya dengan lebih selesa.

Kerusi itu boleh digerakkan ke atas dan ke bawah bagi memudahkan Zull Hanif berada sama paras dengan ketinggian meja di kelasnya, katanya.

"Kerusi ini berjaya disiapkan oleh tenaga pengajar UMP dalam tempoh tidak sampai sebulan dan kos keseluruhan RM12,000," katanya. - Bernama



ZULL HANIF mencuba kerusinya yang boleh dinaik-turun sambil diperhatikan oleh Najib di Pekan semalam.